

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 17 JUN 2014 [SELASA]

SOALAN :

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan mempertingkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah di seluruh negara.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah di negara ini. Usaha secara berterusan adalah melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), sebagai agensi penyelaras pentadbiran dan pengurusan Mahkamah Syariah di peringkat Persekutuan, bersama-sama Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri untuk mempertingkatkan kualiti sistem pengurusan kehakiman Syariah di negara ini.

Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah :

1. Menetapkan KPI Ketua Pengarah Ketua / Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam bidang-bidang utama pengurusan dan pentadbiran kes, iaitu :

- i. penyelesaian 100% kes tuntutan nafkah yang melebihi tiga (3) tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan;
- ii. penyelesaian kes rayuan Syariah sekurang-kurangnya 80% dalam tempoh enam (6) bulan selepas didaftarkan di JKSM bagi negeri-negeri yang menggunakan perkhidmatan hakim rayuan JKSM bagi tahun 2014;
- iii. pematuhan sekurang-kurangnya 85% peratus terhadap Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri(JKSN)/Mahkamah Syariah Negeri ;
- iv. penyelesaian sekurang-kurangnya 50% kes yang dikendalikan melalui *Majlis Sulh* di semua Mahkamah Syariah;
- v. penyelesaian sekurang-kurangnya 50% kes pelanggaran perintah nafkah melalui Runding Cara Terjemahan sumber rujukan ke Bahasa Inggeris;
- vi. pencapaian sekurang-kurangnya 80% terjemahan nas-nas Al-Quran, Al-Hadis dan pendapat fuqaha' bagi portal E-Syariah tahun 2014 ke dalam Bahasa Inggeris;

- vii. memastikan sekurang-kurangnya 90% program latihan (Pegawai Syariah di Malaysia) dalam Pelan Operasi Latihan (POL) 2014 dilaksanakan
 - viii. Ketersediaan talian rangkaian bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/Mahkamah Syariah Negeri pada tahap 95 peratus setahun.
2. **Meningkatkan pewujudan Arahan Amalan Mahkamah Syariah bagi penyelarasan amalan dan prinsip undang-undang serta pentadbiran kehakiman. (Sebanyak 134 Arahan Amalan Mahkamah Syariah telah dikeluarkan)**
 3. **Mewujudkan mekanisma penyelarasan dasar-dasar perundangan dan pentadbiran serta maklumat keperluan baru seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia melalui pelaksanaan Mesyuarat Ketua-ketua Pendaftar dan Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Negeri.**
 4. **Menyeragamkan pengurusan rekod fizikal melalui kod fail fungsian yang seragam di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia.**
 5. **Meningkatkan keberkesanan aplikasi E-Syariah dalam pengurusan kes samada di peringkat pra-bicara, perbicaraan dan pasca-perbicaraan.**

6. Pembangunan aplikasi teknologi pengurusan kes faraid melalui projek E-Faraid. *(sedang dibangunkan dan dijangka selesai pada hujung tahun 2014)*
7. Menubuhkan dan memantapkan fungsi Bahagian Sokongan Keluarga di semua cawangan negeri-negeri.
8. Penyeragaman pendengaran kes-kes rayuan di Mahkamah Syariah Negeri-negeri oleh Panel Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
9. Mendapatkan pengiktirafan kualiti pengurusan kes dan pentadbiran bertaraf antarabangsa dari pihak SIRIM dan MAMPU melalui pensijilan MS ISO 9001:2008, Syariah Compliance MS 1900:2005, Sistem Keselamatan Maklumat dalam Sektor Awam (ISMS) MS ISO /IEC 27001:2008 dan Amalan Persekitaran 5S.
10. Pewujudan kaedah-kaedah Mahkamah Syariah untuk penyeragaman proses pengurusan dan perbicaraan kes.
11. Menaiktaraf gred jawatan para Hakim Syarie seluruh Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.
12. Melantik jawatan Hakim Syarie dari kalangan pegawai Syariah Wanita, : iaitu: Melaka - 1 orang; Wilayah Persekutuan - 2 orang; Perlis - 1 orang; ; dan Kelantan – 2 orang); dan Sabah – 2 orang *(dalam proses mendapat pertimbangan pihak Majlis Agama Islam).*

Sekian, terima kasih